



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(A)MEL/69 Jld10(19)
Tarikh : 18 September 2023
Bersamaan : 2 Rabiulawal 1445H

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

Perhatian kepada semua PTJ,

Tuan,

**PENUTUPAN AKAUN INTERIM KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN
KEWANGAN 2023 PANJAR 1/12, PANJAR 3/12, PANJAR UNIT, PANJAR KHAS
DAN PANJAR WANG RUNCIT**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, proses **Penutupan Akaun Interim Kerajaan Persekutuan Tahun Kewangan 2023** bagi rekupmen panjar perlu disempurnakan sebelum **30 September 2023**.

3. Sehubungan itu, jabatan tuan/ puan perlu melaksanakan tindakan berikut:

- i) **Memperaku 1** bagi Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar selewat-lewatnya pada **22 September 2023 (Jumaat)**;
- ii) Proses **Semak AO** akan dibuat selewat-lewatnya pada **25 September 2023 (Isnin)**. PTJ perlu memaklumkan nombor dokumen dan kod PTJ kepada Unit Pengurusan Dana untuk semakan segera;
- iii) **Memperaku 2** bagi Arahan Pembayaran Rekupmen Panjar selewat-lewatnya **25 September 2023 (Isnin) jam 4.00 petang**;
- iv) **Menunaikan wang panjar di bank dan membuat Penerimaan Rekupmen** di Modul Panjar selewat-lewatnya **27 September 2023 (Rabu)**. **PASTIKAN BAKI WANG RUNCIT SAMA DENGAN APUNGAN YANG DILULUSKAN DI TANGAN**;
- v) **Kod Akaun Panjar adalah A2911101 dan Kod Dana G000** perlu digunakan semasa penyediaan Penerimaan Rekupmen;

- vi) Menjana dan menyemak **Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai** di Portal iGFMAS. Sekiranya masih terdapat dokumen yang tersenarai dalam laporan tersebut, PTJ perlu menyempurnakan dokumen panjar sehingga status 80 ATAU hapus selewat-lewatnya pada **27 September 2023 jam 4.00 petang**;
- vii) Menjana dan mencetak **2 set salinan Sijil Perakuan Panjar di Portal iGFMAS mulai 30 September 2023** dan mengemukakan dokumen yang lengkap kepada Unit Akaun, JANM Melaka selewat-lewatnya pada **06 Oktober 2022 (Jumaat)**.
 - a) **Sijil Perakuan Panjar – Lampiran I dan Lampiran II bertarikh 30 September 2023;**
 - b) **Salinan dokumen Arahan Pembayaran Reкупmen Panjar yang disahkan; dan**
 - c) **Salinan Buku Wang Runcit 01.09.2023 sehingga 30.09.2023**

4. Kegagalan mengemukakan Sijil Perakuan Panjar pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan Arahan Pembayaran yang dikeluarkan PTJ akan dikuiiri oleh Jabatan ini. Bersama-sama ini disertakan tatacara untuk menyediakan Sijil Perakuan Panjar sebagai rujukan tuan.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR AZIRA BINTI ABD. RAHMAN C.A(M))

Seksyen Operasi

b.p. Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka